



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

MEMELIHARA FITRAH, MERAIH BARAKAH

Tarikh Dibaca:

**21 JAMADILAKHIR 1447H /
12 DISEMBER 2025**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



MEMELIHARA FITRAH, MERAIH BARAKAH
12 DISEMBER 2025 / 21 JAMADILAKHIR 1447H

أَحْمَدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿ فَأَقْرَ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ﴾

ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾ ﴿ الروم [30]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ،

اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Takwa bukan sekadar menjauhkan diri daripada dosa, tetapi memelihara fitrah yang Allah tanamkan dalam diri manusia iaitu fitrah yang membawa tenang, seimbang dan sejahtera. Firman Allah SWT dalam Surah ar-Rum ayat 30 yang dibacakan khatib tadi bermaksud:

“(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang

perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui”.

Khutbah pada hari ini bertajuk: **“Memelihara Fitrah, Meraih Barakah”.**

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Fitrah manusia adalah anugerah yang membawa keseimbangan antara akal dan nafsu. Allah menciptakan lelaki dan perempuan untuk saling melengkapi, bukan bersaing antara satu sama lain. Dari fitrah itulah lahir kasih, ketenangan dan keberkatan hidup. Namun, apabila manusia menolak fitrah, mereka sebenarnya menolak ketenangan yang Allah janjikan. Kebimbangan kita adalah hari ini, apa yang dahulu dianggap salah kini dijulung sebagai kebebasan. Apa yang pernah dilarang, kini dijadikan bahan hiburan. Budaya songsang yang menentang fitrah bukan lagi rahsia bahkan diraikan tanpa rasa bersalah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Fenomena LGBT bukan sekadar isu moral, tetapi cabaran terhadap ciptaan Allah sendiri. Kaum Nabi Luth pernah melakukan perkara yang sama, dan Allah menghukum mereka dengan azab yang pedih. Firman Allah SWT dalam Surah al-A'raaf ayat 80–81 yang bermaksud:

﴿وَلَوْ طَا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ
إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِنْ دُونِ الْنِسَاءِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ﴾

“Dan Nabi Luth juga (Kami utuskan). Ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya:

“Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas”.

Perbuatan ini bukan sahaja merosakkan keturunan dan masyarakat, malah mengundang bala dan penyakit. Menurut laporan **Yayasan AIDS Malaysia (2024)**, lebih **70 peratus kes jangkitan baharu HIV di Malaysia berpunca daripada hubungan sejenis.**

Ini bukan sekadar statistik, tetapi cermin kepada kerosakan nilai apabila manusia menolak hukum Tuhan dan membiarkan nafsu menjadi panduan.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

LGBT bukan satu-satunya penyimpangan dari fitrah. Hedonisme yang menenggelamkan akal, budaya hiburan melampau, pendedahan aurat atas nama “seni”, serta hubungan tanpa nikah yang dijadikan kebanggaan semuanya lahir daripada hati yang jauh dari cahaya iman. Apabila manusia menjadikan hawa nafsu sebagai tuhan, maka maruah akan runtuh dan keberkatan akan hilang.

Kita kini berada dalam zaman di mana maksiat dipertontonkan dengan bangga di media sosial, dan kebaikan pula dipandang pelik. Inilah fitnah akhir zaman yang pernah diingatkan iaitu apabila manusia berasa malu untuk beriman, tetapi berbangga dengan dosa. Namun Islam tidak menutup pintu taubat. Allah Maha Penyayang terhadap hamba yang ingin kembali. Rasulullah SAW bersabda dalam hadis riwayat at-Tirmidzi:

“Setiap anak Adam melakukan dosa, dan sebaik-baik orang yang berdosa ialah mereka yang bertaubat”.

Jika ada antara kita yang pernah terjerumus, pintu Allah masih terbuka. Kembalilah sebelum terlambat. Dan bagi masyarakat, tugas kita bukan menghina tetapi membimbing bukan menjauhkan, tetapi mendekatkan mereka kembali kepada rahmat Allah. Kita tidak akan menyelamatkan generasi dengan cacian, tetapi dengan kasih, ilmu dan bimbingan yang berterusan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Bersempena **Hari AIDS Sedunia**, marilah kita mengambil pengajaran daripada realiti penyakit ini. Penyakit bukan sekadar ujian kesihatan, tetapi amaran terhadap gaya hidup yang menyalahi fitrah. Islam tidak menolak pesakit HIV bahkan membimbing mereka dengan kasih, mengajar mereka agar bertaubat dan mengubah gaya hidup. Masyarakat pula mesti berhenti menghukum tanpa ilmu. Jadilah penyembuh, bukan penambah luka. Rawatlah penyakit ini dengan pendekatan kasih, doa dan sokongan kerana tiada manusia yang tidak berhak kembali kepada Tuhan.

Memelihara fitrah bukan sekadar menjauhi dosa, tetapi membina semula nilai keluarga dan masyarakat. Ibu bapa perlu mendidik anak-anak dengan agama dan adab. Guru dan pendakwah mesti berani bersuara dengan hikmah. Pemimpin mesti menggubal dasar yang melindungi fitrah ummah. Apabila seluruh masyarakat berpegang kepada nilai Islam, *in sya Allah* barakah akan kembali menyirami bumi ini.

Sebagai penutup khutbah, marilah kita menginsafi bahawa memelihara fitrah adalah sebahagian cara meraih barakah. Khutbah hari ini dirumuskan dengan tiga perkara:

- 1. Fitrah manusia adalah amanah suci daripada Allah yang mesti dijaga dengan iman, ilmu dan akhlak.**
- 2. Menolak fitrah, sama ada melalui LGBT atau gaya hidup bebas, membawa kehancuran kepada maruah dan generasi.**
- 3. Jalan kembali kepada barakah ialah taubat, pendidikan, dan kasih sayang yang berasaskan panduan Allah dan Rasul-Nya.**

Marilah kita merenung sejauh mana kita memelihara fitrah yang Allah anugerahkan. Jangan biarkan nafsu memadam cahaya iman dalam diri. Bangunkan semula keluarga dan masyarakat atas asas kasih, tanggungjawab dan malu kepada Allah. Semoga Allah memelihara anak-anak kita daripada kekeliruan, melindungi masyarakat daripada bala dosa, dan mengurniakan keberkatan kepada mereka yang kembali kepada fitrah yang lurus.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا

الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-قُرْتَوَانِ اِكْخُغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاغْ قُرْمَايسُورِي اِكْخُغْ، رَاغْ زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.